

15 SEP 1998

Rahim - Anwar

ANWAR TETAP DIKENAKAN TUDUHAN, KATA KETUA POLIS NEGARA

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim tetap akan dikenakan tuduhan kerana mengadakan perhimpunan awam tanpa permit, kata Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor malam ini.

Beliau berkata tindakan Anwar itu menyalahi Akta Polis dan langkah-langkah akan diambil bergantung kepada keadaan.

"Jika tidak ada permit dia (Anwar) tidak boleh (mengadakan perhimpunan) ... sebagai bekas anggota Kabinet beliau patut tahu undang-undang yang ada," kata Abdul Rahim kepada pemberita selepas menyaksikan acara renang Sukan Komanwel di Stadium Akuatik, Bukit Jalil, di sini.

Abdul Rahim berkata arahan telah dikeluarkan kepada semua Ketua Polis Negeri dan Ketua Daerah Polis supaya melaksanakan dasar-dasar yang ada berhubung ceramah awam.

Semua Ketua Polis dan Ketua Polis Daerah telah menggerakkan jentera supaya bukan sahaja mengawasi tetapi mengambil tindakan tertentu mengikut undang-undang jika perhimpunan tanpa permit enggan bersurai setelah diarahkan berbuat demikian, katanya.

Beliau berkata Anwar boleh memohon permit untuk mengadakan perhimpunan awam tetapi keputusan sama ada untuk mengeluarkannya atau tidak terserah kepada Ketua Polis Daerah, bergantung kepada keadaan.

Ketika ditanya mengenai sama ada Anwar akan ditahan berhubung dakwaan yang dibuat terhadapnya, Abdul Rahim berkata: "Bersabarlah ...".

Beliau berkata polis telah memanggil Setiausaha Sulit Anwar, Mohamed Azmin Ali untuk memberi keterangan bagi membantu siasatan berhubung buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM".

"Dia (Azmin) telah dipanggil tetapi enggan tampil dan kita akan dapatkan perintah mahkamah sama ada esok atau lusa meminta dia hadir," katanya.

Beliau berkata mengikut undang-undang sekiranya seseorang itu dipanggil polis untuk memberi keterangan dan jika dia enggan, polis boleh meminta mahkamah mengeluarkan perintah supaya dia hadir.

Ketika ditanya mengenai hasil siasatan buku itu, Abdul Rahim berkata beberapa tangkapan lagi akan dibuat dalam beberapa hari akan datang.

Abdul Rahim berkata polis tetap akan mengambil tindakan menahan mereka yang berkenaan walaupun mereka berlindung di kediaman Anwar kerana rumah Anwar bukannya kawasan bebas dan tidak terkecuali daripada proses undang-undang di negara ini.

Abdul Rahim mengesahkan polis semalam menahan dua lelaki, seorang warganegara Pakistan dengan taraf penduduk tetap Malaysia dan Amerika Syarikat, Dr Munawar Anees, dan bekas Setiausaha Sulit Anwar di Kementerian Kewangan, Mohamad Ahmad.

Munawar ditahan mengikut Seksyen 73 Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) berhubung dengan penyiasatan keseluruhan membabitkan soal keselamatan negara manakala Mohamad ditahan reman mengikut Seksyen 117 untuk membantu siasatan buku itu.

"Kedua-duanya ditahan semalam di Lembah Klang," kata Abdul Rahim.

Mengenai enam laporan polis yang dibuat terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata polis sedang menjalankan siasatan.

Sejak pemecatannya daripada Kabinet 2 Sept lepas, Anwar telah dikunjungi ribuan penyokong di rumahnya di Bukit Damansara hampir setiap malam.

Beliau juga telah menyampaikan ceramah di kampungnya, CheroK To' Kun di Bukit Mertajam, Pulau Pinang, di Pondok Derang, Alor Setar, Kedah dan di Ayer Keroh, Melaka.

-- BERNAMA

ZAI SN KHY